

Kandungan

Public Lecture By Dr Alex Byrne	1
PPM's Package to the Library Association of Singapore (LAS) Gala Dinner	1
Persidangan/Seminar	
Online Information and Education Conference	2
Aktiviti PPM	
Ralat - Jawatankuasa Tetap & Kumpulan Kalendar Aktiviti PPM 2006	2
Jawatankuasa Tetap Perpustakaan Khusus, PPM anjur Lawatan dan Forum di Pusat Sumber Petroleum Petronas.	3
Berita bergambar : Lawatan ke Putrajaya	4
Laporan Jawatankuasa Tetap Perpustakaan Khusus	4
Berita Bergambar	
Majlis Salam Lebaran : titian budi, tambatan mesra	5
Aktiviti PPM	
Laporan Course on Cataloguing Electronic Resources	6-7
Pakej PPM ke CONSAL, Manila	8
Pakej PPM ke New Delhi World BookFair	9
Sekitar Perpustakaan	
Perpustakaan Dr. Abdul Latif, UKM	10
Berita Perlantikan & Ahli Baru PPM	
Berita Perlantikan	11
Ahli Baru PPM	11
Maklumat Penaja	
Access Dunia	12

Public Lecture

by
Dr Alex Byrne

A public lecture which was jointly organised by the Faculty of Information Management UiTM, PPM and IFLA was held at Dewan Sri Bestari, Intekma Resort, UiTM, Shah Alam on 1 December 2005. The lecture titled Digital Libraries and the World Summit on the Information Society was delivered by Dr Alex Byrne who is currently the Pro-Chancellor (Teaching & Learning) and Vice-President (Alumni and Development) at the University of Technology in Sydney, Australia. Dr Byrne's involvement with IFLA started in 1988 and he is currently the President-Elect of IFLA. He started off his lecture by talking about IFLA's role and activities. He then went on to explain about the World Summit on Information Society and its relationship to digital libraries. Dr Byrne outlined the various initiatives involving the



Q & A session

digital library at UTS and finished off his public lecture with a Q & A session.

PPM'S Package to the Library Association of Singapore (LAS) Gala Dinner



The National Library Board of Singapore organised the Conference on Celebrating Knowledge : the Power and Potential from 13 – 15 November 2005 as part of the celebration which saw the opening of its new library building. In conjunction with the conference, LAS organised a Gala Dinner which was held at the Conrad Hotel on 15 November 2005. The dinner saw the launching of a joint publication to mark the 50th anniversary of PPM and LAS. In response to this, PPM organised a package to the Gala Dinner and participants were taken on a guided tour of Singapore's new national library building and a brief visit to the Jurong Regional Library. The participants attended the Gala Dinner and on the way back to Kuala Lumpur, they visited the Sultanah Zanariah Library of UTM which won the 2005 Anugerah Perpustakaan Cemerlang PPM (Kategori Perpustakaan Besar).

Kalendar Aktiviti PPM 2006

AKTIVITI		TEMPAT	TARIKH
1.	Pakej PPM ke New Delhi Bookfair	New Delhi, India	26 Jan – 2 Feb 2006
2.	Bengkel Perancangan strategik Profesion Kepustakawanan	Kuala Lumpur	Mac 2006 *
3.	Pakej PPM ke CONSAL, Filipina	Manila, Filipina	24 – 31 Mac 2006
4.	Mesyuarat Agung PPM	Kuala Lumpur	17 April 2006 *
5.	Bengkel Pencarian Maklumat internet untuk Pembantu Perpustakaan	Kota Kinabalu	18 - 19 April 2006
6.	Lawatan ke Perpustakaan oleh Rombongan MLG & Ovid User Group Meeting	Beijing, China	11 - 18 April 2006
7.	Bengkel Pengurusan Dari Aspek Undang-Undang	Kuala Lumpur	16 - 18 Mei 2006
8.	PPM-University of Queensland Training Programme	Brisbane	5 – 16 Jun 2006
9.	International Workshop on Information Literacy (School Library)	Shah Alam	7 – 12 Jun 2006
10.	International Conference on Information Literacy	Shah Alam	14 – 15 Jun 2006
11.	Khemah Pembacaan	Perak	Julai 2006
12.	World Library and Information Congress : IFLA	Seoul, Korea	20-24 Ogos 2006
13.	Online Information and Education Conference	Bangkok, Thailand	Sept/Nov 2006
14.	Jamuan Hari Raya	Kuala Lumpur	November 2006
15.	ICADL	Kyoto, Japan	November 2006
16.	Kursus Pembantu Perpustakaan	Port Dickson	Dec 2006
17.	Forum Pembacaan	Kuala Lumpur	Akan diumumkan
18.	5 th Digital Library Conference		Akan diumumkan

* Tertakluk kepada pindaan

Jawatankuasa Tetap Perpustakaan Khusus, PPM anjur Lawatan dan Forum di Pusat Sumber Petroleum Petronas

Satu Lawatan dan Forum telah dianjurkan oleh Jawatankuasa Tetap Perpustakaan Khusus yang diadakan di Pusat Sumber Petroleum Petronas Aras 4, Menara 1, Menara Berkembar Petronas, KLCC pada 28 September 2005. Program tersebut telah disertai oleh hampir 40 orang peserta yang terdiri daripada Pustakawan dan Eksekutif Perpustakaan dari pelbagai institusi swasta dan kerajaan.



Taklimat mengenai Pusat Sumber Petroleum (PRC)

Program tersebut bermula dengan Lawatan dan penerangan mengenai Pusat Sumber Petroleum PETRONAS (PRC). Peserta telah diberikan taklimat berkaitan misi, sumber-sumber maklumat dan kemudahan yang disediakan oleh PRC. Satu sesi forum bertajuk 'Information Professionals : competencies and performance indicators' telah diadakan yang disampaikan oleh Encik Azhar Mohd Nor, Pengurus Pusat Sumber Petronas. Pelbagai input yang menarik telah dibincangkan antaranya berkaitan Petunjuk Prestasi dan Kompetensi yang digunakan bagi PRC.

Selain itu, majlis penyampaian hadiah Pemenang Kuiz Merdeka telah diadakan. Pada program tersebut juga, satu majlis pelancaran Buletin Slib Links iaitu Buletin rasmi Jawatankuasa tetap Perpustakaan Khusus telah diadakan. Majlis pelancaran tersebut telah disempurnakan oleh Dato' Zawiyah Baba, Mantan Presiden PPM. Buletin Slib Links merupakan satu medium jalinan kepada pengetahuan dan perpustakaan khusus di Malaysia.

Pada akhir program Peserta telah melawat 'Petronas Twin Towers Skybridge' yang berada di tengah-tengah Bangunan Berkembar yang tertinggi didunia.

Berita Bergambar : Lawatan Jawatankuasa Tetap Perpustakaan Khusus ke Putrajaya



Bergambar beramai-ramai di depan pintu masuk Palace of Justice



Pengerusi menyampaikan hadiah kepada pegawai perhubungan POJ, En Ab. Karem



Bergambar di Yayasan Kepimpinan Perdana



Melawat Perpustakaan Mahkamah

LAPORAN Jawatankuasa Tetap Perpustakaan Khusus

Ahli Jawatankuasa Tetap Perpustakaan Khusus telah dibentuk . Terdiri daripada :-

Pengerusi

Hasnita bt Hj Ibrahim
Pusat Maklumat dan Perpustakaan BERNAMA

Setiausaha

Masfaliza bt Masmuda, Pusat Maklumat dan Perpustakaan BERNAMA

Ahli

Norhayati Abdul Malek, Pusat Sumber Petroleum, PETRONAS
Kamariah bt Abu Samah, Pusat Dokumentasi Melayu, DBP
Kamariah bt Jaafar, Perpustakaan Jabatan Perdana Menteri
Abdul Rahman b Mohd, Seksyen Sumber Maklumat, SIRIM
Gerard George, Pusat Sumber Lincoln
M. Vigneswary, Perpustakaan Minconsult Sdn Bhd
Norlin bt Shamsul Bahari, Perpustakaan Zaid Ibrahim & Co
Dayang Norainie bt Awang Junaidee, Perpustakaan Peta Negara, JUPEM
Chin Loy Jyoon, Perpustakaan Jabatan Kerja Raya
Datin Siti Mariani bt S.M. Omar, Perpustakaan Negara Malaysia

Aktiviti yang telah dijalankan :

1. Mesyuarat pada 5 Ogos 2005 di BERNAMA
2. Kuiz Kemerdekaan melalui e-mail dan faks. Tempoh menjawab soalan ialah dari 22 Ogos hingga 16 September 2005
3. Lawatan ke Pusat Sumber Petroleum, Petronas. Di samping itu, forum yang bertajuk “Information Professional: Competencies & Performance Indicators” serta lawatan ke Jejantas Udara telah diadakan pada 28 September 2005 bermula 2 petang. Seramai 50 orang menyertai program ini.
4. Pelancaran buletin **SLib Links** bertemakan “Link to the Wealth of Knowledge”. Diedarkan melalui e-mail kepada ahli PPM, 3 bulan sekali. Dapatkan SLib Links yang memaparkan salah satu perpustakaan khusus di Malaysia, aktiviti Jawatankuasa serta berkongsi maklumat / pengetahuan terkini. Buletin ini juga kemudian boleh diakses melalui website PPM.
5. Pangkalan Data Perpustakaan Khusus - menyenaraikan maklumat ringkas mengenai perpustakaan khusus di Malaysia dan dalam proses membinanya. Pastikan perpustakaan anda (Perpustakaan Khusus) terdapat dalam pangkalan data ini dengan menghantar e-mail kepada yati@petronas.com.my.
6. Mesyuarat pada 6 September 2005 di Jabatan Perdana Menteri.
7. Lawatan ke Putrajaya. Pada 29 November 2005, seramai 35 orang telah melawat Bangunan Palace of Justice dan perpustakaan mahkamah dan Perpustakaan Yayasan Kepimpinan Perdana.
8. Mesyuarat pada 21 Disember 2005 di BERNAMA.

Terimakasih kepada AJK yang sudi menyertai Jawatankuasa ini yang akan menentukan samada aktiviti yang dianjurkan bergerak aktif atau sebaliknya. Diharap agar warga perpustakaan khusus menyertai aktiviti yang dianjurkan. Sebarang pertanyaan atau sumbangan idea disalurkan ke masfaliza@bernama.com. Objektif jawatankuasa ini adalah seiring dengan objektif Persatuan Pustakawan Malaysia cuma pengkhususannya adalah berkaitan dengan perpustakaan khusus.

Aktiviti 2006 yang dirancang akan diumumkan dari masa ke semasa di dalam SLib Links keluaran 1:2006 (Jan-Mac 2006). Nantikan edarannya...

Sempena menyambut kedatangan Syawal 1426, PPM telah mengadakan Majlis Jamuan Hari Raya pada 2 Disember 2005 di Grand Ballroom, Crown Princess Hotel. Majlis Salam Lebaran : Titian Budi, Tambatan Mesra ini juga diadakan untuk meraikan pesaraan Mantan Presiden PPM, YBhg. Dato Zawiyah Baba dan YBhg. Datin Paduka Hajjah Shahaneem Hanoum. Bertemakan tradisional Malaysia, majlis ini telah dihadiri oleh lebih kurang 194 tetamu yang terdiri dari ahli PPM serta rakan-rakan dari syarikat pembekal produk perpustakaan. Majlis gilang gemilang ini turut dimeriahkan lagi dengan persembahan nyanyian daripada J. Sham serta Kumpulan Muzik Asli dari UKM. Penaja utama bagi majlis ini ialah I-Host Sdn Bhd.



Ucapan alu-aluan oleh Puan Putri Saniah Megat Abdul Rahman, Yang DiPertua PPM



Y Bhg. Dato' Zawiyah Baba menyampaikan ucapan balas



Y Bhg. Datin Paduka Shahaneem Hanoum menyampaikan ucapan balas



Ucap Jasa oleh En. Mohd Sharif Mohd Saad, Naib Yang DiPertua 1, PPM



Penyampaian Cenderamata



Persembahan Kumpulan Muzik Asli daripada UKM



gambar

Salam Lebaran :
**DI, TAMBATAN MESRA
JAMUAN HARI RAYA PPM**



*Persembahan Nyanyian
daripada J. Sham*



*Antara Ahli PPM yang hadir pada Majlis Jamuan Hari Raya dan Meraikan Persaraan Mantan
Yang DiPertua PPM.*

LAPORAN
Course Cataloguing Electronic Resources

Tarikh

26-29 September 2005

Tempat

Perpustakaan Hamzah Sendut 2
Universiti Sains Malaysia

Anjuran

Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM)
& Perpustakaan Universiti Sains Malaysia

Objektif kursus:

- Untuk memberi pendedahan kepada para peserta mengenai standard atau piawaian antarabangsa pengkatalogan sumber elektronik yang telah digunakan secara meluas dan diiktiraf kerelevanannya.
- Selain itu, para peserta juga akan mendapat pendedahan mengenai pengaplikasian format bibliografik Machine Readable Cataloging (MARC) untuk sumber elektronik.
- Di akhir kursus, para peserta mampu untuk mengenalpasti bentuk dan masalah umum dalam pengkatalogan sumber elektronik sebagai alat untuk pengaksesan maklumat dengan lebih berkesan dan tepat.

Peserta

Seramai 28 orang peserta telah menyertai kursus ini yang mana mereka terdiri daripada pustakawan dari serata Malaysia dan Brunei. Nama peserta adalah seperti yang dilampirkan.

Fasilitator

Fasilitator bagi kursus ini adalah seorang yang mempunyai kelayakan professional dan mempunyai pengalaman luas dalam bidang pengkatalogan terutamanya dalam pengkatalogan sumber elektronik. Beliau adalah Prof. Madya Salmah Salleh dari Universiti Teknologi MARA.

Program

Kursus ini telah dijalankan selama 4 hari. 2 hari pertama, fasilitator memberi penerangan secara teori tentang pengkatalogan bahan elektronik. Manakala 2 hari terakhir, penerangan secara amali dan latihan dijalankan di makmal komputer.

Rumusan

Secara keseluruhannya kebanyakan peserta berpuas hati dengan kursus yang dijalankan pada kali ini. Melalui kursus ini peserta dapat menambah pengetahuan dan kemahiran dalam mengkatalog bahan elektronik dan bahan media. Di samping itu para pustakawan juga boleh menjalinkan hubungan profesionalisma serta bertukar pandangan antara pustakawan. Kebanyakan peserta berharap supaya kursus ini dianjurkan semula pada masa akan datang.

**Pakej PPM Ke CONSAL Ke-13,
EDSA Shangri-La Hotel, Manila, Filipina,
25-30 Mac 2006.**

PPM juga akan menganjurkan pakej untuk menghadiri Persidangan CONSAL ke-13 yang akan diadakan di Hotel Edsa Shangri-La, Manila, Filipina pada 25-30 Mac, 2006. Adalah menjadi tradisi bagi negara-negara yang menganggotai CONSAL untuk memberi sokongan dan sambutan terhadap persidangan serantau ini. Kali ini Filipina yang menjadi tuan-rumah telah menjanjikan satu persidangan yang mantap dari segi pembentangan kertaskerja dan juga aktiviti-aktiviti sosial. Beberapa kertaskerja akan dibentangkan oleh peserta-peserta dari Malaysia. Harga pakej adalah seperti berikut :

RM3250.00 seorang - untuk ahli PPM

RM3350.00 seorang - untuk bukan ahli PPM

RM1350.00 seorang - tambahan bagi Single Room

Harga pakej ini **TIDAK** meliputi yuran persidangan dan peserta bertanggungjawab untuk menguruskannya sendiri. Maklumat lanjut boleh diperolehi dari : Encik Hasbullah Atan (hasbullah_atan@imu.edu.my atau telefon : 03-86568817)

**Pakej PPM ke New Delhi World Book Fair 2006
26 Januari- 2 Februari 2006**

PPM akan mengadakan pakej ke New Delhi World Book Fair dari 26 Januari – 2 Februari 2006. Harga pakej adalah seperti berikut tetapi harga pakej tertakluk kepada perubahan sekiranya ada kenaikan cukai minyak yang akan ditentukan oleh MAS:

RM800.00 seorang - tambahan bagi *Single Room*

[Maklumat lanjut boleh diperolehi dari : Puan Maimunah Kadir \(mai@mail.hukm.ukm.my atau telefon : 03-91702288 / 012-3836044\)](mailto:mai@mail.hukm.ukm.my)

RM3900.00 seorang - untuk ahli PPM

RM4150.00 seorang - untuk bukan ahli PPM



Perpustakaan Dr. Abdul Latiff Universiti Kebangsaan Malaysia

Perpustakaan Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) kini secara rasminya dikenali sebagai Perpustakaan Dr. Abdul Latiff. Majlis perasmian penamaan perpustakaan ini telah diadakan pada 25 November 2005 bertempat di Dewan Kuliah 1, UKM Kampus Kuala Lumpur di Jalan Raja Muda Abdul Aziz, Kuala Lumpur. Majlis ini telah dirasmikan oleh Naib Canselor UKM Y. Bhg. Prof Dato Dr. Mohd Salleh Mohd Yasin dan turut dihadiri oleh kaum keluarga Allahyarham Dr. Abdul Latiff.



Perpustakaan Perubatan UKM (PP) telah ditubuhkan pada tahun 1974 untuk memberi perkhidmatan bagi menyokong proses pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan Fakulti Perubatan, Fakulti Sains Kesihatan Bersekutu dan Fakulti Pergigian UKM.



*Abdul Latiff bin Dato' Abdul Razak
(1889-1956)*

Perpustakaan ini dinamakan sempena seorang doktor Melayu pertama di negara ini. Abdul Latiff bin Dato' Abdul Razak (1889-1956), ahli perubatan dan merupakan anak Melayu yang pertama mendapat kelulusan doktor perubatan. Beliau lahir pada 27 Ogos 1889 di Pasir Penambang, Kuala Selangor, Selangor. Allahyarham Dr. Abdul Latiff telah mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu



Sabak Bernam, Victoria Institution, Kuala Lumpur, Kolej Melayu Kuala Kangsar dan seterusnya di Kolej Perubatan King Edward VII, Singapura (1905-1910).



Majlis bermula dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan seterusnya majlis perasmian dan menandatangani plak perasmian oleh Naib Canselor UKM. Sejurus majlis perasmian penamaan itu, Naib Canselor, ahli keluarga Allahyarham Dr. Abdul Latiff dan para jemputan mengadakan lawatan ke Perpustakaan dan seterusnya menyaksikan persembahan multimedia. Para jemputan juga turut melawat pameran mengenai Allahyarham Dr. Abdul Latiff dan juga mengenai perkembangan perpustakaan.



Berita Perlantikan

YB Dato' Zawiyah Baba

Telah dilantik sebagai Electronic Library Consultant to Sri Lanka.

En. Amir Hussain Mohd.Ishak

Telah dilantik sebagai Pemangku Ketua Pustakawan Perpustakaan Sultan Abdul Samad Universiti Putra Malaysia, UPM yang baru, bermula 3 Oktober 2005

Ahli Baru PPM

SENARAI KEAHLIAN BARU – NOVEMBER 2005 PERSATUAN PUSTAKAWAN MALAYSIA

NAMA	NO AHLI	ORGANISASI
1.Abd Rahim Abd Rahman	P 1184	Universiti Teknologi MARA
2.Baba Zin bin Awang	P 1182	Terengganu Advanced Technical Institute
3.Maria bt Hamzah	P 1181	Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang
4.Nazatul Shima Baroji	P 1180	Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang
5.Noor Azura Omar	P 1179	KUKTEM
6.Noraida Hassan	P 1183	USM, Kampus Kesihatan

Short answer, long answer ...
always the right answer.



MDConsult

The MD Consult Clinical Knowledge System provides information resources from patient care to research that offer the complete solution you need.

MDConsult

Clinical Knowledge System

Delivering all the medical resources you need...

- **MD Consult Core Service**
Leading Reference Books
Premier Medical Journals
Patient Education Handouts
Drug Database for Web and PDA
- **FIRST Consult**
Evidence-Based Resources for the Point of Care
Peer-Reviewed Content
Differential Diagnosis Tool
- **eClinics**
Add-on electronic packages of The Clinics of North America
- **eJournals**
Subject-specific packages of leading journals from Elsevier
- **iCONSULT**
Electronic Health Record Integration
Supports Medical Staff from the HER
- **POCKET Consult**
PDA Tools

Fetch.

Make sure your staff has access to the right answers for better patient care.
Visit: www.MDConsult.com to learn about our group and institutional pricing,
or to set up a pilot program for your organization.

